



30 JUL, 2020

Geriatric doctor appointed Language Ambassador

Berita Harian, Singapore

Page 1 of 2

Doktor geriatrik dilantik Duta Bahasa

PAKAR geriatrik di Hospital Raffles, Dr Nur Farhan Alami, merupakan antara Duta Bahasa baru yang dilantik Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) tahun ini.

Menurut Dr Nur Farhan, beliau percaya penguasaan bahasa Melayu yang baik boleh membantu orang ramai dalam memahami isu-isu kesihatan dengan baik dan menggalakkan perubahan sikap dan tanggapan terhadap kesihatan.

“Sebagai seorang duta bahasa, saya berazam untuk terus menggunakan bahasa Melayu sebagai wadah untuk memahami keperluan masyarakat kita dan juga untuk menggalak kesihatan dan kesejahteraan,” katanya dalam video yang disiarkan semasa sidang media Bulan Bahasa 2020 semalam.

Kempen Bulan Bahasa tahun ini akan dijalankan sepenuhnya dalam talian demi mematuhi langkah jarak selamat bagi menge-

kang penularan Covid-19.

Pengerusi jawatankuasa Bulan Bahasa, Cik Rahayu Mahzam, akur akan terdapat sedikit cabaran untuk menggalak ibu bapa dan masyarakat umum menyertai kegiatan yang dianjurkan, tetapi cabaran itu tidak begitu besar kerana orang ramai sebenarnya telah menjadi terbiasa menggunakan wadah dalam talian.

“Sememangnya ia satu cabaran tetapi apa yang saya rasa kita beruntung adalah kerana ramai yang telah ada latihan. Kita dapat mempraktikkan ini semasa pemutus litar dan sekarang pun ramai yang semakin giat menggunakan platform digital untuk melakukan pelbagai perkara. Jadi semakin lama kita dalam proses ini, semakin biasa orang ramai dengan platform ini,” kata Cik Rahayu.

Laporan lanjut di Muka 16



DR NUR FARHAN ALAMI:

Berazam mahu terus menggunakan bahasa Melayu sebagai wadah untuk memahami keperluan masyarakat dan menggalak kesihatan dan kesejahteraan. – Foto fail



30 JUL, 2020

Geriatric doctor appointed Language Ambassador

Berita Harian, Singapore

Page 2 of 2

SUMMARIES

PAKAR geriatrik di Hospital Raffles, Dr Nur Farhan Alami, merupakan antara Duta Bahasa baru yang dilantik Majlis Bahasa Melayu Singapura (MBMS) tahun ini. Menurut Dr Nur Farhan, beliau percaya penguasaan bahasa Melayu yang baik boleh membantu orang ramai dalam memahami isu-isu kesihatan dengan baik dan menggalakkan perubahan sikap dan tanggapan terhadap kesihatan.